



KEMENTERIAN KERJA RAYA MALAYSIA

KENYATAAN MEDIA

JAWATANKUASA PANEL PAKAR UNTUK MENKKAJI SEMULA AMALAN INDUSTRI PEMBINAAN MALAYSIA

Kuala Lumpur, Khamis, 27 Jun 2013 – Kementerian Kerja Raya telah menubuhkan satu Panel Pakar yang diketuai oleh Ketua Eksekutif Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) dan dianggotai oleh pakar yang terdiri daripada pelbagai bidang pembinaan Untuk Mengkaji Semula Amalan Industri Pembinaan Malaysia. Antara lain, Panel Pakar akan mengkaji amalan pembinaan sediaada di negara demi mengenalpasti kelemahan/kepincangan yang wujud dan seterusnya mengesyorkan penambahbaikan kepada proses pembinaan terutamanya dari segi keselamatan kepada orang awam.

Panel telahpun melawat tapak insiden dan telah memulakan tugas dengan menemui pihak-pihak terlibat dan meneliti punca insiden berkaitan. Selain dari insiden keruntuhan ramp Batu Maung, punca insiden seperti Menara UMNO, insiden LRT Subang dan lain-lain akan diteliti supaya hasil penemuan panel pakar ini akan menjadi satu panduan amalan-amalan terbaik (*best practices*) kepada industri binaan negara. Juga perakuan kajian semula amalan industri pembinaan ini akan menjadikan tapak projek-projek pembinaan bukan hanya selamat kepada pekerja-pekerja binaan tetapi juga kepada orang awam yang berada di persekitaran projek. Laporan kajian akan disediakan dalam masa 3 bulan.

**Unit Komunikasi Korporat
Kementerian Kerja Raya
28 Jun 2013**